

08/03/2004

Najib tegaskan tidak dibayangi sesiapa

Noorwati Salleh

PEKAN: Datuk Seri Najib Razak menegaskan beliau mempunyai pendirian sendiri dan tidak dibayangi atau boleh dikaitkan dengan mana-mana pemimpin dalam perjuangan politiknya.

"Saya ada rekod perjuangan dan ia boleh dinilai oleh sesiapa sekalipun," kata Timbalan Perdana Menteri kepada pemberita di sini, semalam.

Najib yang juga Naib Presiden Umno yang menjalankan tugas Timbalan Presiden, diminta mengulas tindakan terbaru pemimpin pembangkang yang membuat serangan peribadi terhadapnya dalam satu majlis ceramah di Markas Darul Al-Husna di sini, malam kelmarin.

Pada ceramah itu, Ketua Pemuda Keadilan, Ezam Mohd Noor mendakwa faktor utama beliau mahu menentang Najib kerana Timbalan Perdana Menteri disifatkan sebagai bayangan bekas Perdana Menteri, Tun Dr Mahathir Mohamad.

Exco Pemuda Keadilan, Ghani Harun pada majlis ceramah itu pula membuat pelbagai dakwaan terhadap Najib, termasuk menyalahgunakan kuasa serta rasuah, selain melabelkan 12 bekas ahli dan pemimpin Keadilan yang menyertai Umno baru-baru ini sebagai 'pelacur politik murahan'.

Najib yakin pengundi akan menolak taktik pembangkang yang menggunakan serangan peribadi, termasuk ke atas dirinya semata-mata untuk mencapai matlamat politik kotor mereka.

Timbalan Perdana Menteri berkata, masyarakat kini lebih terdidik dan tahu membuat penilaian terhadap permainan politik kotor pembangkang.

"Kita akan terangkan kepada pengundi bahawa inilah permainan politik mereka. Saya yakin orang di Pekan dan tempat lain tidak akan menerima cara seperti itu.

"Kita tahu bahawa perbuatan mengaibkan orang serta membuat tuduhan tanpa bukti adalah satu kesalahan di sisi agama," katanya selepas melancarkan jentera pilihan raya Barisan Nasional (BN) Parlimen Pekan di sini.

Turut hadir, isterinya, Datin Seri Rosmah Mansor dan penyandang Ahli Dewan Undangan Negeri (DUN) Bebar, Datuk Ishak Mohamad.

Mengenai dakwaan pembangkang kononnya mempunyai bukti penyelewengan dan salah guna kuasa untuk digunakan pada kempen pilihan raya ini, beliau berkata: "Tak apalah... kita tengok apa yang dia ada dan saya yakin dia akan membuat bermacam dakwaan."

Malah, Najib berkata, setakat ini Mohd Ezam tidak menjawab apa-apa tuduhan terhadapnya yang dibuat bekas Setiausaha Pemuda Keadilan, Lokman Noor Adam yang dipecat daripada parti itu.

Mengenai tuduhan Ghani yang menganggap kemasukan 12 pemimpin kanan Keadilan sebelum ini sebagai 'pelacur politik murahan', Najib sambil menyifatkan perkataan yang digunakan kesat, berkata:

"Sebenarnya 12 orang itu sudah mengetahui rahsia Keadilan dan hidup dalam kesempitan. Mereka keluar parti kerana tidak mendapat keadilan dalam (parti) Keadilan itu sendiri."

Mengenai pilihan raya kali ini, Najib yakin suasananya sudah banyak berubah dan ahli Umno akan menunjukkan semangat juang yang tulen.

"Kalau pada pilihan raya lalu, tidak semua ahli Umno menyokong calon Umno sehingga membawa kesan buruk terhadap kedudukan kita, tapi kali ini suasananya sudah banyak berubah.

"Kini sudah jelas kita ada kekuatan, terutama dari segi bilangan ahli yang ramai serta benar-benar setia kepada parti. Dengan itu, tidak ada sebab kita akan kalah.

"Kita akan memastikan kemenangan calon kita dan memberi sokongan padu kepada mereka," katanya.

Terdahulu, dalam ucapannya Najib berkata segala kelemahan dalam Umno mesti dibetulkan dan ahli mesti taat dan setia dalam apa juga keadaan.

"Kekalahan Umno sebelum ini bukan kerana Pas atau Keadilan, tapi kelemahan Umno sendiri," katanya.

Mengenai isu kemiskinan yang akan dimainkan pembangkang di Pekan, Najib berkata, Umno sudah banyak membantu golongan miskin di sini dan pembangkang pula tidak mempunyai rekod membela kemiskinan.

Beliau juga yakin calon BN di DUN Peramu Jaya yang dijangka berdepan calon Pas Mohd Iqbal Hamdy Mohd Rusdi, boleh diterima baik pengundi tempatan serta berkemampuan.